

Lelaki buat provokasi terhadap penguat kuasa DBKL ditahan

Kuala Lumpur: Seorang lelaki ditahan selepas didapati membuat provokasi sambil memegang parang ketika anggota penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melakukan operasi meroboh struktur haram di Desa Pandan di sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Wangsa Maju, Asisten Komisioner Mohamad Lazim Ismail berkata, dalam kejadian kira-kira 11 pagi, suspek turut didapati memakai hamun anggota penguat kuasa.

“Seorang lelaki datang dan membuat provokasi sambil memegang sebilah parang panjang serta melibas sambil memakai hamun ke arah anggota penguat kuasa DBKL.

“Lelaki itu kemudian ditenangkan oleh beberapa orang awam yang berada di kawasan berkenaan,” katanya dalam kenyataan, di sini.

Mohd Lazim berkata, polis menahan lelaki itu dan merampas sebilah parang panjang milik suspek di ka-



TANGKAP layar lelaki melakukan provokasi terhadap penguat kuasa DBKL menggunakan parang di Desa Pandan, Kuala Lumpur.

wasan kejadian.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 353 Kanun Keseksaan.

“Kes masih dalam siasatan. Orang ramai dinasihatkan tidak membuat sebarang spekulasi sehingga menimbulkan kegusaran awam dan menghentikan

penularan kejadian di media sosial,” katanya.

Terdahulu, tular rakan video berdurasi 50 saat memaparkan seorang lelaki memegang parang mengamuk dan memakai hamun anggota penguat kuasa DBKL sambil ditenangkan orang ramai.